

15 AUG 2003

I

DR MAHATHIR DIJADUAL RASMI KONGRES PBS

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Kongres Parti Bersatu Sabah (PBS) ke-18 di Dewan Hongkod Koisaan, dekat sini pada 8 Sept ini.

Setiausaha agung PBS Datuk Radin Malleh berkata PBS juga telah menjemput semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk menghadiri majlis perasmian itu.

Radin berkata kongres tiga hari itu akan menyaksikan pemilihan anggota majlis tertinggi, exco pemuda dan wanita.

"Kongres kali ini juga istimewa kerana ia yang terakhir dirasmikan oleh Perdana Menteri (Dr Mahathir) selaku pengerusi BN," katanya.

"Kita jangka kira-kira 5,000 anggota dan penyokong PBS akan menghadiri majlis itu dan untuk menyambut Perdana Menteri," kata Radin.

Beliau juga berkata sempena kongres itu, PBS akan menerbitkan sebuah buku cenderamata, edisi khas Suara Bersatu serta pameran foto mengenai aktiviti PBS sepanjang 18 tahun lalu.

-- BERNAMA

NT MOZ